

DBKL pertahan tindakan selaras undang-undang

Peraturan tepati status bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan

Oleh Farah Marshita Abdul Patah dan Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pertahan tindakan kuat kuasa peraturan papan tanda dwibahasa selaras bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

DBKL dalam kenyataan semalam berkata, tindakan dijalankan berdasar undang-undang dan peraturan ditetapkan berhubung bahasa rasmi negara ini.

Tegas DBKL, penguatkuasaan yang dijalankan di sekitar ibu kota itu bertujuan memastikan premis perniagaan mematuhi Undang-Undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) 1982 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang ditetapkan.

“Tindakan itu adalah jelas selaras dengan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi negara Malaysia. DBKL bertanggungjawab memproses dan meluluskan papan tanda iklan premis perniagaan yang sebahagian daripada lesen komposit, iaitu lesen yang diluluskan bersama lesen premis perniagaan.

“Semua pemilik premis perniagaan hendaklah memastikan pemasangan papan tanda iklan di premis perniagaan perlu memohon lesen sebagaimana diperuntukkan di dalam perenggan 5 (1) Undang-Undang Kecil Iklan WPKL 1982,” katanya.

Sebelum ini, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing, melalui kenyataan media dilapor berkata tindakan penguatkuasaan mengenai peraturan papan tanda dwibahasa oleh DBKL mengakibatkan tindak balas emosi dan melampaui batas sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati, selain wujud persepsi negatif dalam kalangan pelancong.

Sehubungan itu, King Sing menggesa DBKL memberi tumpuan kepada inisiatif yang benar-benar memberi manfaat kepada masyarakat daripada menacetkan kontroversi melalui penguatkuasaan yang melampau.

Minggu lalu, DBKL melancarkan operasi berskala besar menyasarkan papan tanda yang ti-

dak memaparkan bahasa Melayu di beberapa kawasan termasuk Segambut, Pudu dan Jalan Silang di Kuala Lumpur.

Dalam kenyataan semalam, DBKL memaklumkan bagi permohonan lesen papan tanda premis, pengesahan visual daripada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) adalah antara dokumen wajib yang perlu diserahkan oleh pemohon kepada DBKL untuk kelulusan.

“Berdasarkan Undang-Undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) 1982, Akta Kerajaan Tempatan 1976 menyatakan bahawa semua iklan hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan boleh juga dalam apa-apa bahasa lain.

“Selain itu, huruf bagi perkataan dalam bahasa kebangsaan hendaklah diberi keutamaan dan hendaklah daripada saiz yang lebih besar daripada huruf atau tulisan perkataan dalam bahasa lain,” katanya.

Jelas kenyataan itu, jika nama sesuatu firma, persatuan atau syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Syarikat 1965 atau Akta Pertubuhan 1966 terdiri daripada atau termasuk perkataan yang bukan dalam bahasa kebangsaan, maka tidak perlu diterjemahkan perkataan itu ke bahasa kebangsaan.

Dalam pada itu, sepanjang tahun ini, DBKL dengan kerjasama DBP sudah menjalankan operasi di enam lokasi pusat membeli belah.

“Kita mengambil tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan 31 notis kesalahan terhadap premis yang menyalahi peraturan dan antara kesalahan ialah premis mempunyai lesen perniagaan tetapi tidak mempunyai kelulusan lesen iklan papan tanda.

“Maka premis akan dikenakan tindakan kompaun oleh DBKL. Tindakan menurunkan papan iklan juga boleh dilakukan oleh DBKL,” katanya.

Selain itu, kesalahan lain termasuk premis mempunyai lesen perniagaan dan lesen iklan papan tanda tetapi melanggar syarat iklan iaitu seperti yang termaktub dalam Undang-Undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) 1982, Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu perkataan dalam bahasa kebangsaan perlu lebih besar dari saiz huruf dalam bahasa lain.

Persoal kenyataan King Sing

Sementara itu, Dewan Rakyat, semalam kecoh apabila Ahli Parlimen pembangkang membangkitkan mengenai kenyataan di-

Garis panduan dan syarat permohonan lesen iklan papan tanda premis DBKL

Dokumen perlu dalam permohonan

- » Salinan pendaftaran syarikat/ perniagaan/pertubuhan (Borang 9 dan 49 atau Borang D berserta maklumat perniagaan dan pemilik)
- » Salinan kad pengenalan pemohon
- » Contoh visual berwarna berserta saiz ukuran setiap perkataan
- » Visual hendaklah mendapat pengesahan Bahasa Melayu yang betul daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- » Gambar berwarna menunjukkan lokasi pemasangan
- » Salinan lesen premis perniagaan (jika berkaitan)
- » Surat kebenaran pemilik bangunan (jika berkaitan)
- » Salinan surat perjanjian penyewaan bagi iklan internet
- » Salinan perakuan amalan perubatan bagi iklan klinik



Antara syarat-syarat kelulusan

- » Visual hendaklah mengutamakan penggunaan Bahasa Malaysia sama ada dari segi saiz perkataan, warna dan kedudukannya.
- » Aktiviti perniagaan dalam Bahasa Malaysia hendaklah diletak di sebelah atas kiri atau tengah papan tanda dan diasingkan kedudukan dengan lain-lain perkataan.
- » Visual yang mengiklankan minuman keras, rokok, gambar yang mencolok mata, tata kelakuan yang kurang sopan/lucah tidak dibenarkan.
- » Visual yang mempamerkan ubat-ubatan hendaklah mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia

Antara syarat-syarat lesen

- » DBKL berhak membatalkan lesen, menurunkan iklan dan mengenakan tindakan undang-undang sekiranya melanggar syarat-syarat pelesenan atau mendapat bantahan dari orang awam.
- » Semua kelulusan pemasangan iklan papan tanda premis tertakluk kepada peruntukan peruntukan dan Undang-Undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan) 1982 dan pindaannya

Sumber maklumat: elesen.dbkl.gov.my

Infografik BH

buat King Sing berhubung isu papan tanda dwibahasa itu.

Datuk Seri Mas Ermieyati Samsudin (PN-Masjid Tanah) ketika membangkitkan perkara itu mengakui kecewa dengan kenyataan dibuat King Sing yang disiarkan beberapa media itu, selain Chow Yu Hui (PH-Raub) yang turut menyentuh isu sama ketika berbahas semalam.

“Saya terkejut dengan kenyataan Menteri MOTAC (Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya) yang mendakwa tindakan DBKL memastikan peniaga mempamerkan papan tanda menggunakan bahasa kebangsaan akan mempengaruhi keputusan pelancong untuk melawat

Malaysia dan membantutkan daya saing pelancongan negara.

“Ini adalah kenyataan yang tidak benar dan memalukan... sebagai Menteri Pelancongan sepatutnya (King Sing) mengangkat budaya kita dan mempertahankan seni dan budaya,” katanya ketika perbahasan Jawatankuasa Rang Undang-Undang Perbekalan 2025 MOTAC, di Dewan Rakyat, semalam.

Mas Ermieyati turut membangkitkan mengenai laporan *Berita Harian* bertarikh 19 November 2018 mengenai titah arahan Sultan Selangor supaya menanggalkan papan tanda bertulisan Cina ketika merujuk isu terbabit.

“Sebagai Menteri Pelancongan sepatutnya (King Sing) mengangkat budaya kita dan mempertahankan seni dan budaya”

Mas Ermieyati Samsudin,
Ahli Parlimen Masjid Tanah

